



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	14/11/2019	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## Lelaki gagal serah gading Gajah Borneo

**Tawau:** Seorang pengurus ladang, Jaifol Liun, 52, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan gagal menyerahkan hasil haiwan dilindungi kepada pegawai yang diberi kuasa atau Jabatan Hidupan Liar Sabah.

Dia didakwa gagal menyerahkan dua potong disyaki gading gajah spesies *Borneo Elephant* (*Elephas maximus borneensis*) atau Gajah Borneo, iaitu hasil haiwan daripada spesies dilindungi mengikut Bahagian 1 Jadual 1, Nombor 11 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

Jaifol yang dihadapkan di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud dan dituduh melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Felda Umas, Kalabakan, dekat sini, jam 2 pagi pada 2 Oktober lalu, didakwa mengikut Seksyen 40 Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

Dia boleh dihukum mengikut Seksyen 40(3) enakmen sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah menetapkan 11 Disember ini untuk pengurusan kes.

+